

**KAJIAN TENTANG PERSEPSI GURU-GURU TERHADAP
KEBERKESANAN KURSUS DALAM PERKHIDMATAN
(KUDAP) DALAM MENINGKATKAN KUALITI
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN:
SATU TINJAUAN DI SEKOLAH-
SEKOLAH MENENGAH
DAERAH BEAUFORT**



NORHAYATI BINTI RAMLAN

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

2004

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@


JUDUL:Kajian Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP) dalam Meningkatkan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran: Satu Tinjauan di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Beaufort.

IJAZAH: Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN: Jun 2002-Jun 2004

Saya, NORHAYATI BINTI RAMLAN mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD.

Disahkan oleh  NORAZLYNNE MOHD. JOHAN @ JACKLYNE
PUSTAKAWAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Penulis: NORHAYATI BINTI RAMLAN) (TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tuan Haji Mohd. Zaki Ishak)

Tarikh: _____

Tarikh: _____

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

NORHAYATI RAMLAN
PS2002-006(K)-208
17 JUN 2004



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Penghargaan

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan disertasi ini seperti yang dikehendaki. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia Disertasi, Tuan Hj Mohd Zaki Ishak yang sentiasa membimbing dan mengajar saya. Seterusnya, ucapan terima kasih ditujukan kepada keluarga saya yang sentiasa memberi sokongan untuk menyiapkan disertasi ini. Juga kepada Pengetua SMK Beaufort, Tuan Hj Asnan Mohd Zain yang memberi kerjasama dan semangat kepada saya untuk meneruskan penulisan disertasi ini, saya ucapkan ribuan terima kasih dan sumbangan beliau ini tidak akan dilupakan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua guru sekolah menengah di daerah Beaufort yang telah terlibat dalam kajian saya. Kepada rakan-rakan sejawat di SMK Beaufort khususnya buat Pn. Roslinah (Penolong Kanan I), Rusdi, Abal Mukam, Victor, Cellia dan Evelyn yang sentiasa memberi sumbangan idea, pandangan yang bernas serta bantuan material kepada saya sehingga dapat menyelesaikan disertasi ini, jasa kalian amat dihargai. Akhir sekali, kepada mereka yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam usaha saya menyiapkan disertasi ini saya doakan agar kalian dirahmati Allah.

Sekian, terima kasih.




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

KAJIAN TENTANG PERSEPSI GURU-GURU TERHADAP KEBERKESANAN KURSUS DALAM PERKHIDMATAN (KUDAP) DALAM MENINGKATKAN KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN: SATU TINJAUAN DI SEKOLAH- SEKOLAH MENENGAH DAERAH BEAUFORT

Disertasi ini merupakan satu kajian untuk melihat dan menilai persepsi guru-guru sekolah menengah di daerah Beaufort terhadap keberkesanan Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP) dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kajian ini cuba untuk mengutarakan kaitan dan kepentingan KUDAP dalam profesion perguruan, suatu profesion yang sering menuntut perubahan dan perkembangan ahlinya selaras dengan aspirasi masyarakat dan negara. Dasar pendidikan yang bersifat dinamik memerlukan kepekaan guru-guru untuk sentiasa berkembang agar perkhidmatan yang diberikan adalah relevan dan berkesan khususnya kepada para pelajar. Oleh itu, KUDAP dilihat sebagai suatu dimensi kepada para guru untuk melaksanakan perubahan dalam tugas utama mereka sebagai tenaga pengajar. Dapatan kajian ini telaj memperkukuhkan hakikat kepentingan KUDAP dan seterusnya melihat beberapa kelemahan dalam penganjuran KUDAP agar dapat diperbaiki pada masa akan datang.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

RESEARCH ABOUT TEACHERS' PERCEPTION ON THE KUDAP EFFECTIVENESS IN ENCHANCING THE TEACHING AND LEARNING QUALITY: A SURVEY AT SECONDARY SCHOOLS IN THE BEAUFORT DISTRICT

This study in conducted in order to see and assess the secondary schools teachers' perception in the Beaufort District on the KUDAP effectiveness in enchancing the teaching and learning quality in the classroom. This study tries to relate the importance of KUDAP in the teaching profession that often demands for changes and its members development line with the community and country aspiration. The dynamic Education Foundation acquires teachers' alertness to be progressive in order to give relevant and effective service to the students and their academic achievement. Therefore, KUDAP is seen as a dimension for the teachers in implementing changes to their main task as an educator. The findings of this study has proved the importance of KUDAP and for seen several weaknesses in organizing KUDAP so that can be improved in the future.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL**HALAMAN**

Jadual 3.1	: Klasifikasi Kekuatan Pearson	51
Jadual 3.2	: Jumlah Responden Mengikut Sekolah	52
Jadual 3.3	: Jumlah Responden Mengikut Jantina	53
Jadual 3.4	: Kebolehpercayaan Soal Selidik Menerusi Kajian Rintis	58
Jadual 3.5	: Klasifikasi Darjah Keberkesanan	63
Jadual 3.6	: Analisis Kebolehpercayaan Kajian	64
Jadual 3.7	: Jadual Proses Kerja Pelaksanaan Penyelidikan	65
Jadual 4.1	: Responden Mengikut Sekolah	69
Jadual 4.2	: Responden Mengikut Jantina	70
Jadual 4.3	: Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	70
Jadual 4.4	: Responden Mengikut Umur	71
Jadual 4.5	: Responden Mengikut Kelayakan Ikhtisas	72
Jadual 4.6	: Responden Mengikut Kelayakan Akademik	73
Jadual 4.7	: Kekerapan Responden Menghadiri KUDAP	74
Jadual 4.8	: Klasifikasi Darjah Keberkesanan	75
Jadual 4.9	: Analisis Dapatan Bagi Sub Bahagian Kaedah Mengajar	76
Jadual 4.10	: Analisis Deskriptif Terhadap Maklumat KUDAP Bagi Sub Bahagian Kaedah Mengajar	77
Jadual 4.11	: Analisis Dapatan Bagi Sub Bahagian Peningkatan Personel dan Profesionalisme Guru	79
Jadual 4.12	: Analisis Deskriptif Terhadap Maklumat KUDAP Bagi Sub Bahagian Peningkatan Personel dan Profesionalisme Guru	79
Jadual 4.13	: Analisis Dapatan Bagi Sub Bahagian Perkongsian Pengalaman	79

SENARAI JADUAL**HALAMAN**

Jadual 4.14	: Analisis Deskriptif Terhadap Maklumat KUDAP Bagi Sub Bahagian Perkongsian Pengalaman	80
Jadual 4.15	: Analisis Dapatan Bagi Sub Bahagian Keberkesanan KUDAP	81
Jadual 4.16	: Analisis Deskriptif Terhadap Maklumat KUDAP Bagi Sub Bahagian Keberkesanan KUDAP	82
Jadual 4.17	: Analisis Dapatan Bagi Sub Bahagian Keperluan KUDAP	82
Jadual 4.18	: Analisis Deskriptif Terhadap Maklumat KUDAP Bagi Sub Bahagian Keperluan KUDAP	83
Jadual 4.19	: Jadual Matriks Pekali Korelasi Pearson Di antara Keberkesanan KUDAP dengan Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran	84
Jadual 4.20	: Jadual Matriks Pekali Pearson di antara Keberkesanan KUDAP dengan Peningkatan Personel dan Profesionalisme Guru	85
Jadual 4.21	: Analisis Perbandingan pada Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan KUDAP Mengikut Kumpulan Umur	86
Jadual 4.22	: Analisis Perbandingan pada Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan KUDAP Mengikut Jantina	87
Jadual 4.23	: Analisis Perbandingan pada Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan KUDAP Mengikut Kelayakan Akademik	88
Jadual 4.24	: Analisis Perbandingan pada Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan KUDAP Mengikut Kelayakan Ikhtisas	88
Jadual 4.25	: Analisis Perbandingan pada Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan KUDAP Mengikut Kekerapan Menghadiri KUDAP	89
Jadual 4.26	: Analisis Perbandingan pada Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan KUDAP Mengikut Tempoh Perkhidmatan	90
Jadual 4.27	: Kaedah Mengajar	92

SENARAI JADUAL**HALAMAN**

Jadual 4.28 : Peningkatan Personel dan Profesionalisme Guru	93
Jadual 4.29 : Perkongsian Pengalaman	93
Jadual 4.30 : Keperluan KUDAP	93
Jadual 4.31 : Keberkesanan KUDAP	94



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

HALAMAN

Rajah 2.1	: Teori Hierarki Keperluan Maslow	21
Rajah 2.2	: Teori Proses Pembelajaran Gagne	23



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

HALAMAN

Pengakuan	
Penghargaan	
Abstrak	
<i>Abstract</i>	
Singkatan	
Senarai Jadual	
Senarai Rajah	

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP)	3
1.2.1	Konsep KUDAP	4
1.2.2	Kaedah Pelaksanaan KUDAP	5
1.2.3	Objektif KUDAP	7
1.2.4	Pernyataan Masalah	8
1.3	Tujuan Kajian	11
1.4	Objektif Kajian	
a)	Objektif Am	11
b)	Objektif Khusus	11
1.5	Hipotesis Kajian	12
1.6	Signifikan Kajian	13
1.7	Batasan Kajian	14
1.8	Definisi Konsep	14
1.8.1	Persepsi	14
1.8.2	Guru	14
1.8.3	Keberkesanan	15
1.8.4	Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP)	15
1.8.5	Peningkatan	16
1.8.6	Pengajaran dan Pembelajaran	16
1.8.7	Kualiti	17

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Konsep Pembelajaran	19
2.2.1	Teori Pembelajaran	20
a)	Teori Pembelajaran Mazhab Humanistik	20
b)	Teori Pembelajaran Kognitif	22
c)	Teori Pembelajaran Konstruktivis	24
2.2.2	Motivasi	24
2.2.2.1	Teori Motivasi	25
a)	Teori Jangkaan Victor Vroom	25

HALAMAN

b) Teori Pendorong dan Kesihatan F. Herzberg	26
2.3 Peranan KUDAP terhadap Perkembangan Guru	27
2.3.1 Kajian-Kajian Terdahulu	39
2.3.1.1 Kajian Dalam Negara	39
2.3.1.2 Kajian Luar Negara	40
2.3.2 Isu-isu KUDAP	42

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	47
3.2 Rekabentuk Kajian	48
3.2.1 Langkah-langkah Penyelidikan Deskriptif	49
3.3 Peserta Kajian	51
3.4 Instrumentasi	54
3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan	58
3.6 Prosedur dan Pengumpulan Data	59
3.7 Analisis Data	62
3.8 Prosedur Penganalisisan Data	63
3.9 Analisis Kebolehpercayaan	64

BAB 4: ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	68
4.2 Ciri-ciri Demografi	69
4.2.1 Responden Mengikut Jantina	70
4.2.2 Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	70
4.2.3 Responden Mengikut Umur	71
4.2.4 Responden Mengikut Kelayakan Ikhtisas	72
4.2.5 Responden Mengikut Kelayakan Akademik	72
4.3 Penemuan Kajian	73
4.3.1 Analisis Deskriptif	73
4.3.1.1 Kekeliruan Responden Menghadiri KUDAP	74
4.3.1.2 Maklumat KUDAP	75
4.4 Pengujian Hipotesis	83
4.4.1 Hipotesis Nul 1	84
4.4.2 Hipotesis Nul 2	84
4.4.3 Hipotesis Nul 3	85
4.4.4 Hipotesis Nul 4	87
4.4.5 Hipotesis Nul 5	87
4.4.6 Hipotesis Nul 6	88
4.4.7 Hipotesis Nul 7	89
4.4.8 Hipotesis Nul 8	90
4.4.9 Dapatan Cadangan KUDAP	91

BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

HALAMAN

5.1	Pengenalan	96
5.2	Perbincangan Hasil Dapatan	96
5.3	Kesimpulan	108

Rujukan

Lampiran



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Guru merupakan insan yang berperanan penting dalam mendidik manusia ke arah kebaikan dan berguna kepada masyarakat dan negara. Guru bertanggungjawab membentuk generasi yang berilmu pengetahuan, berbudi pekerti tinggi dan memiliki sahsiah yang luhur. Peranan yang dimainkan ini bukanlah mudah lebih-lebih lagi pada era globalisasi kini yang bergerak pantas dan secara tidak langsung menuntut perubahan yang besar serta berterusan dalam dunia pendidikan. Peranan guru semakin mencabar untuk melaksanakan wawasan dan idealisme baru pendidikan masa kini yang menghendaki ciri-ciri masyarakat yang berpengetahuan dalam komputer, dan mahir dalam mengaplikasikan teknologi maklumat. Ini adalah seiring dengan hasrat negara untuk meletakkan mutu pendidikan di Malaysia dalam kelas dunia. Menurut Abd Rahim (2000), pendidikan bertaraf dunia menunjukkan perkembangan dan kemajuan pesat serta dinamis pendidikan negara, khususnya dari segi kualiti, kuantiti, standard, kecemerlangan dan kredentialiti yang diakui dan diterima di peringkat antarabangsa atau dunia.

Memandangkan guru menjadi tulang belakang kepada sistem pendidikan yang mana mereka ini menjadi tongggak yang merealisasikan dasar pendidikan maka profesion perguruan perlu berkembang dengan pesat. Di samping itu, profesion ini mestilah sentiasa mengalami proses penambahbaikan yang berterusan agar mereka mampu untuk menangani perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan dan

memainkan peranan mereka dengan efektif. Tujuan perubahan ini dilakukan supaya guru tidak lagi terikat kepada sistem pengajaran yang konservatif dan tandus dengan inovasi teknologi. Sebaliknya peka kepada kehendak semasa agar proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan berkesan dan berupaya mewujudkan suasana bilik darjah yang kondusif.

Sesungguhnya, mengharapkan mengajar yang diperolehi semasa berada di maktab perguruan atau universiti semata-mata adalah tidak mencukupi untuk menjadikan seorang guru itu mampu untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang pendidik. Menurut Farrant (1985) tempoh masa latihan perguruan yang diikuti oleh bakal guru sebenarnya adalah singkat dan apabila mereka keluar daripada maktab atau universiti, terdapat tiga masalah besar yang dihadapi iaitu kekurangan kemudahan untuk menjadikan kaedah pengajaran sentiasa kemas kini, kekurangan panduan untuk menyelesaikan masalah-masalah tertentu di sekolah dan kekurangan nasihat atau panduan meluaskan pengetahuan dalam aspek pedagogi atau profesionalisme guru. Di samping itu, ekoran daripada sifat sistem pendidikan itu sendiri yang sentiasa berubah-ubah sesuai dengan kehendak semasa dan aspirasi masyarakat menambahkan kekurangan pengetahuan guru. Misalnya, kini terdapat penerapan budaya literasi komputer dan teknologi maklumat di kalangan para pelajar sekolah sesuai dengan peredaran semasa yang semakin mementingkan budaya ICT. Oleh itu, guru perlu mempunyai pengetahuan yang banyak dan sentiasa kemas kini terutamanya dalam aspek kemahiran mengajar, pengetahuan memanipulasikan bahan bantu mengajar khususnya yang berunsurkan multimedia, menangani masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar atau hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan, pengetahuan tentang penilaian pembelajaran pelajar, pengurusan bilik darjah dan sebagainya.

Persoalan di sini ialah bagaimana seseorang guru itu boleh meningkatkan profesionalisme masing-masing? Mungkin terdapat cara untuk menyelesaikan persoalan tersebut tetapi pihak Kementerian Pendidikan prihatin dengan fenomena ini lalu telah merangka satu program khusus untuk guru-guru memperolehi ilmu pengetahuan baru yang berkaitan dengan bidang perguruan terutamanya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Program yang dimaksudkan itu ialah Kursus Dalam Perkhidmatan atau singkatannya KUDAP.

1.2 Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP)

KUDAP merupakan satu elemen yang penting dalam membantu keberkesanan warga pendidik menjalankan tugas mereka di sekolah khususnya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. KUDAP dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Guru bertujuan untuk melengkapkan para pengetua, guru-guru kanan dan guru-guru dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi melaksanakan program, projek dan kurikulum di sekolah. Dengan adanya KUDAP, para guru diharapkan dapat meningkatkan mutu pengajaran mereka selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara yang berhasrat melahirkan masyarakat yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa tunjang utama tugas para guru di sekolah adalah menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Tugas ini amat bermakna bagi setiap guru kerana ia bukan sahaja melibatkan masa depan seseorang pelajar tetapi juga menjadi penentu kejayaan sesebuah negara dari aspek sosial, ekonomi dan politik. Oleh yang demikian, setiap guru harus sentiasa mempertingkatkan pengetahuan dan penguasaan mereka dalam mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang teratur, selesa dan berkesan.

Untuk mencapai tujuan ini, KUDAP menjadi suatu keperluan yang tidak dapat disangkal lebih-lebih lagi dunia pendidikan masa kini bersifat dinamik.

1.2.1 Konsep KUDAP

KUDAP dirancang oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Sasaran mereka adalah kepada seluruh warga pendidik di negara ini dengan hasrat dapat memberikan ilmu yang lebih khusus kepada guru disebabkan beberapa faktor berikut iaitu;

- i) Kursus dan latihan perguruan asas yang diberikan sewaktu di maktab dan universiti tidak mencukupi/memadai kepada guru untuk menjalankan tugas mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Farrant, 1985) (Mohd Salleh Lebar, 1998) (Mok, 2002) (Sufean Hussin, 1997) (Abd Wahab Hashim, 1995)
- ii) Penyelidikan pendidikan menunjukkan bahawa tugas mengajar semakin tidak efektif selepas tahun kelima hingga ketujuh (Al. Ramaiah, 1999)

Di samping itu, berdasarkan pengalaman dan pemerhatian pengkaji itu sendiri ada beberapa lagi faktor yang mendorong kepada penganjuran KUDAP di kalangan guru iaitu;

- i) Berlakunya pembaharuan dan perubahan yang berterusan dalam sistem pendidikan. Sebagai contoh pada masa kini terdapat perubahan dalam sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu yakni komponen sastera (KOMSAS) telah dimasukkan sebagai salah satu aspek pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 1 hingga 5. Begitu juga terdapat pembaharuan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik yang akan menggunakan bahasa Inggeris bermula tahun 2003. Penyemakan semula dalam

sukatan mata pelajaran-mata pelajaran tertentu seperti Sejarah dan Geografi (Tingkatan 1 hingga 5) juga memerlukan guru mengikuti KUDAP

- ii) Pengenalan mata pelajaran baru di sekolah-sekolah yang memerlukan para guru terlibat mendapat pengetahuan dan kemahiran tentangnya sebelum mereka boleh mengajar pelajar-pelajar berkenaan kepada para pelajar. Contohnya dalam tahun 2002 telah diperkenalkan mata pelajaran Katering dan Penyajian serta mata pelajaran Lanskap dan Nursery. Begitu juga dengan pelaksanaan Sistem Pengajaran Berbantuan Komputer (PPBK) memerlukan guru-guru mendalami pengetahuan dan kemahiran dalam bidang multimedia
- iii) Guru-guru baru yang hendak memulakan pengajaran di sekolah perlu mendapat pendedahan terhadap keperluan sukatan terhadap keperluan sukatan mata pelajaran yang bakal diajar.

1.2.2 Kaedah Pelaksanaan KUDAP

Menurut Pusat Dokumentasi, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (1999), terdapat pelbagai jenis KUDAP yang dianjurkan iaitu;

- i) Kursus Perguruan Khas Satu Tahun
- ii) Kursus Perguruan Khas Pensiswazahan Guru (1 tahun di maktab peruruan+2 tahun di universiti tempatan)
- iii) Kursus Peningkatan Profesional (14 minggu)
- iv) Program Pembangunan Jurulatih Malaysia (Malaysian Trainer Development)
- v) Kursus Pendek Kelolaan Maktab
- vi) Kursus Untuk Tenaga Pengajar Pendidikan Swasta
- vii) Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM)
- viii) Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI)

Di samping itu juga Kementerian Pendidikan turut menganjurkan kursus-kursus pendek yang mengambil masa 3-10 hari yang dikelolakan oleh bahagian-bahagian tertentu di Kementerian Pendidikan seperti Pusat Perkembangan Kurikulum (kursus orientasi kurikulum baru), Bahagian Sekolah (kursus pendedahan kepada guru-guru bimbingan dan kaunseling dan guru-guru kesihatan serta pendidikan khas), Bahagian Teknologi Pendidikan (kursus-kursus bantuan mengajar), Bahagian Teknik dan Vokasional (kursus-kursus pendedahan/peningkatan pengajaran/kurikulum pendidikan Islam), Lembaga Peperiksaan Malaysia (penggubalan pukal-pukal penilaian), Bahagian Pendidikan Guru (kursus-kursus orientasi kurikulum dan peningkatan keilmuan dan ketrampilan pedagogi) Jabatan Pendidikan Negeri pula diberi peruntukan menganjurkan kursus-kursus profesional bagi memenuhi keperluan guru setempat dari masa ke semasa.

Bradley (1991) menyatakan ada lima sebab atau tujuan KUDAP dijalankan. Pertama, ia sebagai wadah untuk menjadikan individu atau guru bernilai dalam kerja yang dilakukan. Maksudnya, guru mengetahui peranan utamanya sebagai pendidik dan memahami tanggungjawab yang harus dipikul. Kedua, KUDAP dijalankan untuk membolehkan guru-guru melaksanakan tugas dengan sempurna dan menepati kehendak profesion itu sendiri. Ketiga, program ini membantu guru mengenal pasti dan mempersiapkan diri terhadap perubahan yang berlaku dalam kerjaya mereka. Misalnya, dalam dasar pendidikan negara pada masa kini telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Perubahan ini memerlukan guru bersiap sedia untuk melaksanakannya. Oleh yang demikian, KUDAP menyediakan kemudahan yang diperlukan itu. Selain itu, program perkembangan staf menjadi pendorong guru ke arah kepuasan dan keseronokan dalam kerjaya dan yang

terakhir sekali ia membolehkan guru-guru berasa mempunyai kemampuan dan kompeten dalam menyumbang secara konstruktif perkembangan di sekolah.

1.2.3 Objektif KUDAP

Berdasarkan maklumat yang dinyatakan di atas, pengkaji membuat rumusan bahawa KUDAP dilaksanakan dengan menekankan beberapa objektif seperti berikut:

- i) memperbaiki kelemahan-kelemahan utama guru-guru dengan cara meningkatkan dan memantapkan kemahiran mereka dalam aspek pengajaran dan pembelajaran seperti cara pengawalan kelas yang berkesan, cara menggunakan dan melaksanakan kaedah mengajar yang sesuai dan berkesan serta cara-cara berkomunikasi antara guru dan pelajar
- ii) meningkatkan potensi guru-guru dan menambahkan keyakinan mereka untuk menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah secara berkesan
- iii) meningkatkan motivasi guru-guru yang telah lama berkhidmat dengan cara mendedahkan kepada pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang terkini dan menarik. Ini sangat penting supaya guru-guru yang terlibat akan sentiasa konsisten terhadap tugas sebagai pendidik dan mempertingkatkan kaedah pengajaran yang lebih baik agar dapat mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan
- iv) mendedahkan kepada guru tentang silibus mata pelajaran yang baru diperkenalkan agar sesi pengajaran dan pembelajaran yang akan dibuat adalah berpandu dan terancang memberikan pengetahuan dan kemahiran guru untuk mengajar mata pelajaran yang baru diperkenalkan seperti mengadakan bengkel dan membekalkan modul dan peralatan yang diperlukan.

1.2.4 Pernyataan Masalah

Sejak dari tahun 1960an, Kementerian Pendidikan telah memulakan program KUDAP iaitu apabila Maktab Perguruan Ilmu Khas ditubuhkan (Abd. Wahab Hashim, 1995). Dalam pada itu Kementerian Pendidikan telah menyedari beberapa kelemahan yang perlu diatasi untuk mencapai matlamat mengekalkan kecemerlangan dan ketrampilan guru-guru. Di antara isu-isu yang telah dikenal pasti iaitu sejauh mana keberkesanan kursus-kursus tersebut berupaya atau membantu dalam membawa perubahan kepada pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, menambah pengetahuan guru-guru tentang isu-isu pendidikan dan meningkatkan tahap profesionalisme perguruan.

Bukan sahaja dari aspek keberkesanan malah juga timbul masalah atau persoalan sama ada isi kandungan kursus yang disampaikan dalam KUDAP adalah selaras atau relevan dengan penganjuran KUDAP itu sendiri. Misalnya, KUDAP yang dianjurkan adalah untuk meningkatkan kemahiran guru terhadap aplikasi komputer untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran tetapi setelah berkursus, guru-guru hanya mendapat pengetahuan dari segi teori sahaja. Atau pengetahuan yang diberi hanya sesuai untuk kegunaan pejabat sahaja.

Menerusi pengalaman dan pemerhatian pengkaji, kebanyakan KUDAP yang dianjurkan tidak mempunyai tindakan susulan daripada pihak penganjur atau sekolah itu sendiri. Guru-guru pergi menyertai KUDAP dan kemudian balik ke tempat masing-masing tanpa ada pemantauan, galakan atau motivasi yang diberikan secara berterusan baik dari pihak penganjur KUDAP mahupun pihak sekolah. Pemantauan dan motivasi yang

berterusan di sini adalah dalam konteks memastikan dan memberi galakan kepada guru untuk melaksanakan apa yang telah diperolehi atau menyebarkan maklumat yang diterima kepada pihak-pihak yang berkaitan di sekolah seperti rakan sejawat dan juga kepada pelajar-pelajar di bilik darjah. Senario ini menyebabkan motivasi guru berkurangan dan menyebabkan semangat mereka semakin pudar. Akhirnya mereka yang telah menyertai KUDAP ini tidak dapat menghasilkan sebarang perubahan terutamanya yang berkaitan dengan tugas sebagai pengajar. Sebagai contoh, seorang guru itu telah menyertai KUDAP yang berkaitan dengan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Komputer (PPBK) dan apabila kembali ke sekolah dan ingin mengaplikasikan kemahiran tersebut, didapati sekolah tidak mempunyai kemudahan yang diperlukan sedangkan pendidikan masa kini sudah semakin mementingkan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Apabila keadaan ini berlaku, guru itu tidaklah dapat menggunakan apa yang diperolehi daripada KUDAP dan lama kelamaan, pengetahuan itu hilang begitu sahaja. Ada juga guru yang telah berkursus tidak menyampaikan maklumat yang diperolehi kepada rakan sejawat mungkin disebabkan malas, terlupa atau sibuk dengan tugas. Diri mereka juga sebenarnya menjadi penentu keberkesanan KUDAP yang telah dihadiri itu. Pihak sekolah pula tidak mengambil inisiatif seperti mewajibkan guru yang telah menghadiri KUDAP agar mengadakan kursus dalaman di peringkat sekolah atau panitia juga menyebabkan ilmu yang telah diperolehi tidak berkembang. Ada juga pihak sekolah yang menggalakkan guru-guru yang telah menghadiri KUDAP mengadakan kursus dalaman di sekolah tetapi kurang pemantauan.

Sesetengah KUDAP pula dilihat dapat membantu guru meningkatkan pengetahuan atau menambah pengetahuan baru dalam aspek pengajaran dan pembelajaran tetapi ramai guru yang kecewa kerana setelah menghadiri KUDAP, maklumat yang diterima adalah sama sahaja seperti waktu mereka berada di maktab

perguruan atau di universiti. Keadaan ini menurunkan semangat guru untuk mengikuti KUDAP yang sama pada masa akan datang. Ada kalanya, masa mengikuti KUDAP juga menjadi satu permasalahan kepada guru. Biasanya KUDAP akan dianjurkan semasa musim persekolahan sedang berlangsung. Bagi KUDAP yang mengambil masa yang sekejap (dua atau tiga hari misalnya) jarang mendatangkan masalah tetapi bagi KUDAP yang memakan masa yang lama hingga berminggu-minggu atau berbulan-bulan menyebabkan timbul masalah kepada sekolah kerana bilik darjah ditinggalkan mengakibatkan pelajar tertinggal dalam pembelajaran mereka. KUDAP yang memakan masa yang lama bukan tidak perlu dianjurkan tetapi memerlukan kesesuaian masa seperti waktu cuti sekolah. Lebih teruk lagi ada guru yang sama sahaja pergi mengikuti KUDAP tanpa peluang itu diberi kepada orang lain. Ini juga menyebabkan guru-guru tersebut selalu sahaja meninggalkan sekolah. Akibatnya, jadilah guru itu sebagai 'cikgu kursus' dan bukannya cikgu mengajar.

KUDAP juga dibimbangi tidak berkesan akibat daripada fenomena kecairan maklumat yang kemungkinan besar berlaku di kalangan jurulatih kursus. Ini berdasarkan pengalaman dan pemerhatian pengkaji sendiri yang melihat kebanyakan jurulatih KUDAP kurang berkemahiran menyampaikan ilmu kepada peserta lebih-lebih lagi sekiranya KUDAP yang dianjurkan itu adalah pada peringkat daerah atau bahagian. Kemahiran yang kurang itu mungkin akibat daripada kecairan maklumat yang berlaku semasa jurulatih-jurulatih itu berkursus daripada jurulatih lain dalam penganjuran KUDAP di peringkat yang lebih tinggi. Jadi, apabila jurulatih itu tamat berkursus dan balik ke sekolah, ia pula dikehendaki memberikan kursus yang sama kepada guru-guru lain di kawasan tersebut. Keadaan ini seterusnya berlaku pula kepada guru yang menghadiri kursus itu yang mana mereka dikehendaki memberikan kursus pada peringkat yang lebih kecil seperti peringkat daerah, sekolah dan akhirnya pada peringkat panitia.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian keberkesanan program KUDAP terhadap peningkatan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di beberapa buah sekolah di daerah Beaufort ini adalah bertujuan untuk mengumpul data dan maklumat bagi menjawab semua persoalan kajian menerusi penilaian keberkesanan program KUDAP berdasarkan persepsi guru-guru.

1.4 Objektif Kajian

a) Objektif Am

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru-guru terhadap keberkesanan KUDAP dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran

b) Objektif Khusus

Kajian ini bertujuan untuk;

- i) menilai persepsi guru-guru terhadap kerelevanan pengisian program KUDAP dengan keperluan guru di bilik darjah
- ii) meninjau persepsi guru-guru terhadap apa yang mereka harapkan dalam KUDAP dari segi pengisian program
- iii) menentukan sama ada terdapat perbezaan persepsi terhadap program KUDAP di kalangan guru-guru berdasarkan unsur-unsur demografi seperti tahap akademik, pengalaman mengajar dan jantina.

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis merupakan asas kepada sesuatu penyelidikan yang dijalankan. Menurut Mohd Najib Abd Ghafar (1999), hipotesis ialah pernyataan ramalan penyelidik tentang hasil penyelidikan. Pembentukan hipotesis bukannya satu kemestian dalam sesuatu